



## Kenyataan Media

CYBERJAYA

1 Disember 2022

### MCMC AMBIL TINDAKAN TANGANI MASALAH LIPUTAN KOMUNIKASI DI LIMA (5) BUAH KAMPUNG DI PADANG SERAI, KEDAH

Susulan laporan akhbar Harian Metro dan Buletin TV3 pada 28 November 2022 berkenaan 8,000 penduduk yang berhadapan dengan ketiadaan rangkaian komunikasi di lima (5) buah kampung di Padang Serai, Kedah, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Kedah dan telah mengambil tindakan segera dengan mengadakan tinjauan serta menyantuni wakil penduduk di lima (5) kampung tersebut iaitu Taman Bunga Raya, Taman Raya Indah, Taman Raya Murni, Kg. Padang dan Kg. Nesa, bagi menyelesaikan aduan yang dikemukakan.

Untuk makluman, pihak MCMC telah memasukkan ke dalam perancangan bagi pelaksanaan satu (1) struktur menara komunikasi baharu di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) sebagai langkah penyelesaian bagi menambah baik kualiti liputan di lokasi aduan. Pembinaan menara komunikasi baharu itu dijangka siap dalam tempoh setahun.



GAMBAR: Pegawai MCMC, En. Mohammad Farhan menjalankan ujian liputan dan menyantuni wakil penduduk, En. Hari Krishan (baju petak) dan En. Tan Tian Weng (baju merah).

Bagi penyelesaian interim, pihak penyedia perkhidmatan turut diminta untuk menjalankan pengoptimuman di menara komunikasi sedia ada berhampiran dalam masa seminggu bagi menambah baik kualiti liputan di lokasi aduan.

Pihak MCMC akan sentiasa memantau pelaksanaan kerja-kerja pengoptimuman yang akan dijalankan oleh pihak penyedia perkhidmatan dan juga akan memastikan struktur menara komunikasi baharu yang telah dirancang ini akan dapat dilaksanakan dengan segera apabila dimuktamadkan kelak.

## JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission**

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi  
Dan Multimedia Malaysia



MCMC\_RASMI



SKMM\_MCMC



MCMCTV